

---

# Perwakilan perlu sediakan perbincangan berilmiah — Mahathir

U.M. - 9 NOV 1992

KUALA LUMPUR 8 Nov. — Para perwakilan ke Perhimpunan Agung UMNO tahun depan perlu menyediakan perbincangan yang berilmiah dan tidak hanya kepada isu yang mencetuskan gelak ketawa serta menghentam pemimpin, kata Presiden parti, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau menambah, walaupun perbincangan yang berbentuk sedemikian tidak seronok didengar, tetapi ia perlu untuk kepentingan UMNO.

“Wakil dari Kedah, Dato' Dr. Affifuddin Omar telah membuat kajian yang cukup mendalam mengenai ucapannya sehinggalah saya sendiri pun sebelum ini tidak tahu bahawa peribahasa Melayu memberi penekanan yang mendalam tentang etika dan budaya kerja positif,” kata Dr. Mahathir ketika mengulung perbincangan di hari akhir Perhimpunan Agung UMNO di sini petang ini.

Beliau berkata, Perhimpunan Agung

UMNO memerlukan ucapan yang berilmu serta mendalam dan bukan sekadar ucapan yang mengecam orang.

Perhimpunan akan lebih dihormati jika ada ucapan-ucapan yang berkualiti, tegasnya.

“Saya harap dalam keghairahan kita mengkritik, akan ada juga ucapan-ucapan yang dibuat hasil daripada kajian yang mendalam,” tambahnya.

Pada akhir perhimpunan itu, Perdana Menteri telah diberi penghormatan *standing ovation* oleh para perwakilan.